


Pelancaran Buku UMS sempena Sambutan Regatta Lepa Jubli Perak 2019

UB 9.5.2019 B2

SEMPORNA: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) mengadakan Pelancaran Buku UMS sempena Sambutan Regatta Lepa Jubli Perak 2019 di sini baru-baru ini.

UMS melancarkan sebanyak tiga buah buku yang dikaji dan ditulis oleh Prof. Dr. Ismail Ali, juga Pensyarah Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan merangkap Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

Buku-bukuberkenaan adalah Sejarah dan Pembudayaan Perahu Tradisi di Sabah diterbitkan oleh Penerbit UMS, Peradaban Maritim Nusantara dan Sejarah serta Sejarah dan Budaya Perlanungan di Kepulauan Borneo diterbitkan oleh Penerbit Ombak di Jogjakarta, Indonesia.



ISMAIL menyampaikan buku sebagai cenderahati kepada Tun Juhar.

Pelancaran Buku UMS itu disempurnakan oleh Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Juhar Haji Mahiruddin.

Sebagai tanda penghargaan Dr. Ismail menyampaikan cenderahati iaitu buku hasil kajian dan penulisan beliau kepada Timbalan Ketua Menteri Sabah Datuk Jaujan Sambakong,

yang mewakili Ketua Menteri Sabah merangkap Pro Canselor UMS dan seterusnya kepada Tun Juhar merangkap Canselor UMS.

Di samping itu UMS juga telah menyertai Festival Igal Antarabangsa dan Pameran Pendidikan sempena sambutan regatta berkenaan.